



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Great Eastern Takaful dan Universiti Teknologi Malaysia Lancarkan GREAT Innovation Challenge dengan Tawaran Hadiah Tunai dan Geran Sehingga RM77,000

Mengevolusikan plastik berimpak tinggi melalui inovasi dan pemerksaan belia.

26 September 2025, Kuala Lumpur – Great Eastern Takaful Berhad (GETB), sebuah pengendali takaful keluarga, kini mengorak langkah baharu ke arah inovasi berteraskan kelestarian dengan pelancaran **GREAT Innovation Challenge** bersama rakan strategiknya, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Inisiatif berskala nasional ini menyeru pelajar universiti dan kolej di seluruh Malaysia untuk menambahbaik mesin hasil semula plastik agar lebih pintar, mudah alih, serta dilengkapi integrasi AI yang mampu menukar sisa plastik kepada produk bernilai. Usaha ini sekali gus menyumbang kepada kelestarian alam sekitar dan ekonomi kitaran.

Cabaran ini bukan sekadar pertandingan teknikal, malah ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar dan memupuk inovasi bertanggungjawab dalam kalangan belia. Dengan isu pencemaran plastik yang semakin mengancam ekosistem dan komuniti, inisiatif ini memberikan peluang kepada pelajar untuk membangunkan penyelesaian praktikal yang boleh dikembangkan dan mampu mengurangkan sisa, seterusnya mempromosikan gaya hidup lestari. Peserta berpeluang merasai pengalaman dalam bidang reka bentuk lestari, automasi, dan integrasi asas AI, sekali gus melengkapkan mereka dengan kemahiran masa depan dan kefahaman yang lebih mendalam mengenai peranan mereka dalam melindungi alam sekitar.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful Berhad, Encik Shahrul Azlan Shahrman, “Inovasi adalah penting dalam memperkenalkan amalan baharu yang berkesan untuk kelestarian. Susulan inisiatif hasil semula kami yang dilancarkan pada tahun 2022, cabaran ini membuktikan bagaimana penyelesaian yang memfokuskan masa hadapan dapat memperkukuh pendekatan kita terhadap pemeliharaan alam sekitar. *GREAT Innovation Challenge* adalah lambang komitmen kami terhadap persekitaran yang lebih hijau, di mana pendidikan, teknologi, dan matlamat digabungkan untuk meningkatkan kesedaran dan disusuli dengan tindakan. Dengan memperkasakan generasi muda dalam meneroka inovasi dalam bidang hasil semula, kami menyumbang untuk masa depan di mana kelestarian dan kejuruteraan bergerak seiring. Kami juga yakin bahawa penyelesaian yang lahir daripada inisiatif ini akan memberi inspirasi terhadap tindakan yang lebih meluas ke arah inovasi lestari di Malaysia.”

Program ini menawarkan hadiah dan geran berjumlah RM77,000 bagi rekaan konsep, fungsi serta idea inovatif terbaik. Jumlah tersebut turut merangkumi geran sebanyak RM8,000 kepada lima pasukan terbaik berjumlah RM40,000 bagi membantu penghasilan mesin hasil semula ciptaan mereka.

Dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai rakan strategik, mereka membawakan kepakaran mendalam dalam bidang AI, robotik, dan kejuruteraannya untuk cabaran ini. “*GREAT Innovation Challenge* memberikan peluang bermakna kepada pelajar untuk meneroka bagaimana teknologi boleh memacu penyelesaian lestari. Di UTM, kami percaya inovasi dalam bidang AI dan sistem pintar dengan tumpuan pada aspek seperti daya tahan dan mudah alih, mampu memberi impak besar dalam memperkukuh usaha pemeliharaan alam sekitar. Kami berbesar hati dapat membimbing para peserta melalui proses reka bentuk, prototaip, serta integrasi sistem agar idea mereka bukan sahaja kreatif, malah kukuh dari segi teknikal serta selari dengan matlamat kelestarian,” kata Profesor Ts. Dr. Mohd Ibrahim Shapiai, Pengarah Center for *Artificial Intelligence and Robotics (CAIRO)*.

Pelajar universiti di seluruh Malaysia dialu-alukan untuk menyertai *GREAT Innovation Challenge* mulai 12 September hingga 30 September 2025 melalui laman sesawang berikut: research.utm.my/cairo/greatinnovationchallenge. Disokong oleh *Center for Artificial Intelligence and Robotics (CAIRO)* dan *Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE)*, Great Eastern Takaful bersama rakan strategiknya bermatlamat untuk membimbing generasi muda dalam menerajui peralihan Malaysia ke arah masa depan yang lebih lestari.

-TAMAT-

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelestarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateastertakaful.com. Great Eastern Takaful merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Great Eastern Takaful Berhad

Tel: +6016 - 209 234

E-mel: MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com